

# 31 pengganas komunis dibunuh

KOTA BAHARU, Isnin — Seramai 31 orang pengganas komunis dibunuh di kawasan Selatan Thai dan sempadan Semenanjung Malaysia tahun ini, berbanding dengan 25

orang dalam tempoh yang sama tahun lalu. Ini adalah satu kejayaan yang boleh dibanggakan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Amin Osman, berkata se-

jak awal tahun ini, lapan pengganas komunis dibunuh dan seorang menyerahi diri di Semenanjung.

Pasukan keselamatan dapat mengawal dan membendung kegiatan Parti Komunis Malaya (PKM), Parti Komunis Kali-

mantan Utara dan kegiatan puak-puak pelampau.

Beliau mendedahkan beberapa perancangan dan strategi baru komunis dalam usaha mendapatkan simpati dan sokongan orang ramai dengan menggunakan taktik 'pujuk rayu — mengugut'.

Beliau memberitahu pengganas-pengganas komunis kini cuba kembali ke kawasan-kawasan yang ditinggalkan dahulu untuk menghidupkan semula rangkaian penyokong-penyokong lama dan mewujudkan pangkalan baru di tempat-tempat berkenaan.

Katanya lagi, mereka juga telah cuba meningkatkan usaha untuk mendapat sokongan dari

orang-orang asli dan para pekerja balak di kawasan-kawasan pembalakan yang terpedal.

Di kawasan sempadan pula, tambah Tan Sri Mohd Amin, unit-unit pengganas komunis dari Selatan Thai masih terus melakukan serangan gangguan terhadap pasukan keselamatan.

Beliau menyebut hal ini, ketika merasmikan persidangan Perasidangan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Cawangan Pegawai Yang Diwartakan (PPKP/CPW), di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Polis Kelantan, Datuk Haji Ibrahim Yeop.

Tan Sri Mohd Amin berkata, dalam bulan April 1980, Barisan Bersatu Komunis telah mencanai strategi baru bagi mendapatkan sokongan orang-orang Melayu.

Beliau berkata lagi, Barisan Bersatu Komunis kini juga mengatur strategi untuk menyerap masuk ke dalam pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar di negara ini, untuk menimbulkan perkara-perkara yang tidak puas hati di kalangan ahli-ahli pertubuhan berkenaan bagi menentang kerajaan.

## Sempadan

Dalam hubungan ini, tambahnya, Rejimen Ke-10 PKM berpangkalan di Wang semasa berusaha bagi mempengaruhi orang-orang Melayu yang tinggal di kawasan sempadan, di Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan menyebarkan berbagai risalah.

Katanya, PKM mendakwa kononnya perjuangan mereka adalah sama dengan kegiatan dan perjuangan yang pernah dilakukan oleh Nasionalis Melayu pada zaman dahulu.

Dalam risalah-risalah subversif itu, kata Tan Sri Mohd Amin, tokoh-tokoh perjuangan Nasionalis Melayu seperti Dr Burhanuddin dan Ahmad Boestaman sengaja ditonjolkan bagi mengelabukan mata dan menipu rakyat.

Kegiatan-kegiatan ini dilakukan kerana PKM menghadapi kebuntuan mencapai sebarang kejayaan dari perjuangan bersenjata.

Beliau menyeru anggota-anggota dan para pegawai polis supaya sentiasa berwaspada dan berazam, untuk terus menentang kegiatan musuh durjana itu, dengan bertindak sewajarnya agar tidak dapat sebarang peluang memperalat keaduan dan mencapai cita-cita mereka.

Mengenai jenayah-pula, Timbalan Ketua Polis Negara itu menegaskan, pasukan polis sepanjang tahun lalu berjaya menumpaskan beberapa kumpulan ganas yang aktif bergerak liar di Johor, Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Antaranya ialah Kumpulan Cheh Meh Beh di Kuala Lumpur, Kumpulan Maluri di Selangor dan Kumpulan Koperatif di Johor. Seramai 32 orang ahli-ahli kumpulan itu telah dibunuh.

Tan Sri Mohd Amin memberitahu, polis juga merampas 15 pucuk senjata api, dua kes bunuh, satu kes cuba bunuh, 36 kes samun bersenjata api dan 15 kes samun menggunakan senjata tajam telah diselesaikan berikutan tertangkapnya anggota kumpulan tersebut.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia